Melancap Adalah Dosa Besar

Karangan :
Maulana Shah Hakim Muhammad Akhtar قدس الله سره الأقداس

Melancap Adalah Dosa Besar — Maulana Shah Hakim Muhammad Akhtar قدس الله سره الأقداس

1. Nabi ﷺ telah bersabda:
"Orang yang berkahwin dengan tangan mereka adalah terkutuk."Orang yang melancap dirinya telah dilaknat oleh Allah dan Rasul-Nya dan pada hari kiamat nanti, tangan mereka akan hamil.

2. Ia adalah satu cara untuk merosakkan kehidupan seseorang di dunia dan Akhirat.

3. Ia mengurangkan kesihatan seseorang.

4. Ia adalah dosa besar dan jika tidak bertaubat daripada dosa besar, maka orang itu akan terjerumus ke dalam ancaman dan dihumban ke dalam Neraka.

5. Orang ini berpotensi tidak mampu berkahwin kerana air maninya akan menjadi nipis.

6. Dia mungkin akan mendapat banyak penyakit, seperti gonorea dan chancrous, dsb.

7. Disebabkan tabiat jahat ini, akhirnya orang itu terjerumus zina atau liwat.

8. Tabiat jahat ini menimpa seseorang akibat memandang dengan pandangan nafsu berahi. Oleh kerana itu disebutkan dalam Al-Qur'an bahawa orang yang menjaga pandangannya akan dapat menjaga kemaluannya, dari sini kita dapat mengukur bahawa orang yang melemparkan pandangan

yang penuh nafsu tidak akan dapat menjaga kemaluannya. Akibatnya, mereka tidak mampu mengawal diri mereka sendiri.

9. Orang itu menjadi lemah secara seksual dan mental seperti kurang daya ingatan, kekurangan darah, resolusi mereka menjadi lemah, jantung mereka menjadi lemah sehinggakan jika kucing melompat dari satu tempat ke tempat lain, jantung orang ini akan terkejut atau mula berdegup lebih laju seolah-olah singa baru melompat di hadapannya.

10. Sinaran dan kemegahan wajah seseorang itu semakin berkurangan, lingkaran hitam mula terbentuk di sekeliling mata dan kutukan pelik menimpa orang ini kerana orang ini terlibat dalam tindakan terkutuk; mereka menjadi pucat, mata mereka masuk ke dalam, mereka mula mengalami perubahan mood. Akibatnya, badan, hati dan minda mereka kurang kawalan seperti menuruni lereng yang licin menuju kemusnahan.

11. Jika seseorang tidak awal berhenti dari tabiat ini, maka pada masa

mudanya mereka mengalami penyakit inkontinensia pundi kencing.

12. Disebabkan oleh sentuhan yang keras yang tidak sepatutnya, saraf, arteri dan urat semuanya cenderung mati dan darah tidak mengalir dengan baik ke organ kemaluan tersebut, yang menyebabkan organ tersebut menjadi lemas dan orang itu tidak lagi mempunyai keupayaan untuk melakukan persetubuhan. Mereka mungkin akan mengalami mati pucuk atau tidak tahan lama, dan dengan itu mereka akan menghadapi rasa malu yang besar di hadapan isteri,

masyarakat dan perkara itu boleh menyebabkan perceraian.

13. Ejakulasi berulang kali menyebabkan air mani seseorang menjadi sangat nipis, yang menyebabkan seseorang kehilangan kejantanan [mandul].

14. Kadang-kadang hanya bergesel pada pakaian seseorang atau hanya memikirkan persetubuhan dengan isteri boleh menyebabkan ejakulasi. Kemaluan seseorang boleh menjadi bengkok. Ia mungkin tumbuh dalam lilitan dari hadapan dan kemudian ke

arah belakang yang menyebabkan seseorang mungkin tidak mampu sepenuhnya melakukan persetubuhan.

15. Ingatan seseorang menjadi lemah, mereka sering mengalami sakit kepala, disebabkan oleh aktiviti berat yang kecil; mereka mungkin mengalami buta sementara, berpeluh sejuk, dan kebimbangan [anxiety].

16. Kadang-kadang air mani menjadi tidak terkawal menyebabkan fikiran menjadi lemah, tidak tertarik dan berminat untuk belajar dan apa sahaja

yang dipelajari, mereka tidak dapat kekal lama dalam pelajaran.

Solusi Ramuan Agar Berhenti Dari Melancap/ Masturbasi/ Onani :

1. Ubat utama untuk membersihkan diri daripada sebarang kejahatan ialah himmah, iaitu satu keazaman seseorang. Tanpa keazaman yang kuat, maka tiadalah ubatnya. Setiap kali Nafs seseorang cuba melibatkan seseorang dalam dosa tertentu maka lawanlah ia seolah-olah seseorang itu hendak melawan musuh sepanjang hayatnya. Begitu juga, seseorang harus bertekad untuk menyelamatkan

imannya sebagaimana mereka akan menyelamatkan nyawanya sendiri. Mereka harus bertekad sedemikian rupa sehingga mereka sanggup menyerahkan nyawa mereka, tetapi tidak sanggup untuk melakukan dosa. Pada hari seseorang mempunyai keazaman seperti ini maka tabiat jahat ini akan hilang. Juga, seseorang harus berusaha semaksimal mungkin untuk tidak berada dalam bersendirian.

2. Seseorang harus merenungkan ini bahawa Nabi ﷺ telah bersabda, lebih kurang mafhumnya ialah, orang yang melancap adalah terkutuk.

3. Renungkan keaiban yang akan dirasai pada hari kiamat, apabila orang ini akan dihadapkan dalam keadaan tangannya hamil di hadapan Allah dan Rasul-Nya.

4. Renungkan semua kemudaratan yang disebutkan dalam bahagian awal.

5. Sedar bahawa perbuatan hina ini hanyalah nikmat kesenangan yang tidak kekal lama.

6. Allah bersama kita sepanjang masa.

7. Renungkan hakikat bahawa Allah sedang memerhati kita sepanjang masa.

8. Tabiat jahat ini disebabkan oleh kutukan daripada memandang sesuatu dengan pandangan berahi. Oleh itu, seseorang itu tidak seharusnya melihat apa-apa bahan lucah dan tidak juga mendekati gambar di akhbar, di internet, kabel, televisyen, VCR, DVD dsb. sehingga menerima email yang terkandung bahan lucah pun harus dia elakkan, jika tidak, bayangan lucah secara rawak akan masuk ke dalam fikiran seseorang dan akan

menyebabkan haba panas berkembang dalam badan seseorang menyebabkan orang itu akhirnya melancap.

9. Seseorang itu tidak seharusnya bersendirian sebaliknya mereka hendaklah bersuhbah dengan orang soleh.

10. Seseorang hendaklah mengambil berat untuk duduk bersama orang-orang soleh dengan syarat mereka memberitahu orang soleh tentang keadaan mereka dan sanggup melaksanakan arahan dari orang soleh itu.

11. Mencari Mursyid kerohanian dan mendenda diri sendiri dengan mengeluarkan duit supaya dia merasa sakit dan menyesal di dalam hatinya. Hukuman ini sebaiknya dalam bentuk sedekah. Dapatkan nasihat dari Mursyid rohani yang pakar. Seseorang juga harus berasa menyesal tentang betapa dia telah mengecewakan hati Mursyid rohaninya.

12. Seseorang harus rela menyerahkan nyawanya, tetapi tidak untuk melakukan dosa. Keadaan hati seperti ini hanya boleh dibangunkan dengan

duduk berada dalam kumpulan orang-orang soleh, oleh itu mulalah untuk menerima kehadiran kumpulan orang-orang soleh.

13. Jaga pandangan dan jaga hati, kerana bergantung semata-mata dengan Mursyid rohani, Tawajjuh dan persahabatan dengan orang-orang soleh tidaklah memadai. Oleh itu, seseorang harus melaksanakan semua nasihat yang diterima daripada Mursyidnya mengenai cara menjaga pandangan dan menjaga hati.

14. Sekiranya dia terjebak dalam perlakuan terkutuk ini, maka setiap kali dia melakukannya hendaklah dia mendenda diri dengan melakukan solat-solat sunat sekurang-kurangnya dua puluh rakaat atau sedekah dengan bilangan yang banyak sehingga Nafs merasa terbeban.

*Siap menterjemahkannya ke dalam bahasa melayu oleh Faqir Haqir La Syai’ Miskin Fani umpama debu di telapak kaki Para Masyaikh Azmye bin Asli عفى الله عنه ولوالديه pada 14 Zulqa'dah 1445 Hijriah bertepatan 23 May 2024 Masihi pukul 6:06 petang di Surau An-Nur Kampung Kadalakan, Jalan Banjar, Keningau 89008, Sabah, Malaysia.

Bagi mereka yang berkemampuan, berkelebihan, berada, jutawan, billionaire, kaya raya bolehlah memberikan sumbangan berupa sedekah atau hadiah mengikut kemampuan masing-masing ke akaun bank yang tertera :

5648 4712 8095 [Maybank atas nama AZMYE]

Sumbangan daripada tuan puan amatlah dihargai. Semoga dengan berkat sokongan dari pihak tuan puan, urusan hidup faqir dipermudahkan.